

24/07/1999

Sikap Razaleigh perlu dicontohi

KUANTAN, Jumaat - Sikap Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengambil tindakan yang menyebabkan Umno diisytiharkan haram pada 1987, perlu dicontohi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata walaupun peristiwa itu membawa titik hitam dalam Umno, ia memberi pengajaran yang baik, demi perjuangan parti, bangsa, agama dan negara.

"Apa yang berlaku tidak perlu didendamkan dan kita harus sedar bahawa parti, kerajaan dan jawatan bukan milik kita secara peribadi, kerana semuanya berdasarkan ihsan Allah.

"Kalau perjuangan itu dilakukan secara bersama, matlamat yang kita tuju senang untuk dicapai," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan anggota pelbagai pertubuhan wanita di Pahang anjuran Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwah Wanita (Hawa) Pahang, di sini, hari ini.

Dalam laporan akhbar hari ini, secara spontan Tengku Razaleigh memohon maaf kepada Umno dan Mahathir di hadapan kira-kira 2,000 ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) Kelantan di Hotel Diomand Puteri di Kota Bharu, kira-kira tiga jam selepas Perdana Menteri dan Datin Seri Hasmah Mohd Ali, menghadap Sultan Kelantan, semalam.

Menurut Rafidah, permusuhan dalam politik tidak kekal, jika perjuangan itu ke arah yang sama.

(END)